

Potonglah Tangan Saya

Kisah sejarah ini diceritakan oleh seorang penyair yang terkenal di zaman Khalifah Hārūn al-Rashīd bernama “al-Aṣma‘ī”.

Pada suatu hari saya telah datang ke negeri

Basrah. Niat saya hendak melawat ke dusun Banī Sa‘d.

Kota Basrah dewasa itu ditadbirkan oleh seorang

Amir yang menjadi wakil Khalifah bernama Khālid bin ‘Abd Allāh

al-Qushrī. Kebetulan saya telah pergi ke istana Amir

tersebut. Di sana saya dapati beliau dikerumuni oleh

khalayak yang ramai. Rupanya sedang mengadakan majlis

pengadilan. Kelihatan oleh saya seorang pemuda yang

amat tampan rupanya sedang dibicarakan di hadapan Amir.

Dia diregang oleh sekumpulan orang, dibawa ke hadapan

Amir. Amir bertanya, apa sebabnya pemuda itu dibawa

ke mari dan apa salahnya?

Mereka menjawab: “Pemuda ini telah mencuri.

Kami tangkap semalam di pekarangan rumah kami.”

Amir merenung pemuda tersebut, dia kehairanan

mengapa pemuda yang begitu tegas dan tampan orangnya

dituduh mencuri. Setelah itu ia berkata: “Lepaskan

dia.”

Pemuda itu pun dilepaskan orang. Setelah itu

Amir memanggil pemuda tersebut dan disuruhnya duduk

di sisinya. Orang ramai telah bersurai, hanya mereka

tinggal berdua. Lalu ditanyainya akan kisahnya. Pemuda itu

menjawab: “Sememangnya benar tuduhan mereka, dan

sememangnya benar saya mencuri.”

“Apa sebabnya engkau tergamak melakukan perbuatan

yang serendah itu, walhal tokohmu bukanlah tokoh

pencuri, bahkan engkau begini tampan orangnya.”

“Terpedaya oleh dunialah yang mendorong saya,

sehingga berlaku takdir Allah ke atas saya.”

“Sayang orang muda, tidakkah rupamu yang

setampan ini dapat menghalangi dirimu dari mencuri?”

“Tak payahlah tuan memanjangkan cerita ayuhai Amir,

lakukan sahajalah peraturan yang diperintahkan oleh Allah.

Ini adalah kesalahan tangan saya, sebab itu wajib

dipotong. Allah tidak sekali-kali berbuat aniaya kepada

hamba-Nya.”

Sangat lamanya Amir Khālid memikirkan hal itu,

lalu disuruhnya pemuda itu lebih dekat lagi kepadanya

seraya berkata: “Di atas kejujuranmu mengakui

kesalahan di hadapan khalayak ramai, menimbulkan

keraguan di dalam hatiku. Berat perasaanku untuk

mengakui engkau sebagai pencuri. Mungkin ada

sesuatu rahsia agaknya yang tersembunyi pada dirimu

di sebalik pencurian itu. Nyatakanlah terus terang

kepadaku!”

Wahai Amir! Tak payahlah tuan menyangkakan yang

bukan-bukan. Apa yang saya ceritakan itulah perkara yang sebenarnya. Tak ada cerita yang lain-lain. Saya telah masuk ke rumah orang, saya telah mencuri barang-barangnya, saya tertangkap, dan mereka membawa saya ke mari.”

Dengan pengakuan yang demikian dia pun diperintahkan oleh Amir itu memasuki penjara. Kemudian diisytiharkan ke seluruh Kota Basrah, bahawa upacara menjalankan hukuman potong tangan kepada pemuda itu akan dilaksanakan besok pagi, dan diminta orang ramai menyaksikannya.

Setelah pemuda itu berada dalam penjara dengan keadaan kedua belah kakinya terikat dengan rantai besi, dia pun menarik nafas yang panjang. Dari mulutnya tekeluar rangkapan syair yang berbunyi:

“Khālid hendak mengkudungkan tangan”

Sekiranya rahsia tidak terbuka.

Aku berjanji; baiklah jangan,

Hatiku teguh memegang cinta.

Biarlah putus kudung tanganku,

Daripada kekasih menanggung malu.

Syair itu rupanya telah didengar oleh penjaga penjara. Dia segera mengkhabarkan kepada Amir. Mendengar itu Amir Khālid tambah curiga. Di tengah malam itu juga pemuda itu diperintahkan keluar dari penjara untuk menghadapinya. Amir itu sungguh tertarik melihat kepada budi dan bahasanya, adab dan kesopanannya. Disuruhnyalah orang menyiapkan makanan dan minuman untuk mereka berdua. Diajaknya pemuda itu makan sehidang bersama-sama dengannya sambil bercakap-cakap. Akhirnya Amir itu telah berkata:

“Saya tahu bahawa kamu mempunyai rahsia lain, bukan perkara pencurian. Besok bila khalayak ramai datang berduyun-duyun dan semua hakim telah hadir, saya akan bertanya tentang tuduhan orang kepadamu, maka lekaslah engkau nafikan. Katakan sahajalah bahawa tuduhan itu tidak beralasan sama sekali. Dengan begitu engkau akan terlepas dari hukuman potong tangan. Nabi (S.A.W) telah bersabda (yang maksudnya): “Jauhkanlah hukuman daripada orang yang tertuduh dengan cara syubhah”

Tak lama kemudian pemuda itu pun dihantarkanlah kembali ke dalam penjara.

Setelah fajar menyingsing dan Subuh telah tiba, orang ramai pun mulai datang berduyun-duyun, lelaki perempuan, tua muda, tak ada yang ketinggalan. Seluruh penduduk Kota Basrah keluar semuanya tertumpu ke tempat pengadilan untuk menyaksikan hukuman itu. Kelihatan Amir Khālid telah datang dengan mengenderai seekor kuda yang diiringi oleh orang besar-besar negeri Basrah. Hakim-hakim pun dipersilakan datang dan pemuda itu dibawa ke hadapan. Pemuda itu kelihatan berjalan dengan langkah yang berat kerana menyeret kakinya yang terantai dengan belunggu besi yang berat.

Suasana mulai sepi, tetapi telah dipecahkan kemudian oleh tangisan perempuan-perempuan yang tak tahan hati melihatkan pemuda yang begitu kacak dan sangat tampannya menghadapi tuduhan yang sangat menyedihkan.

Setelah orang ramai diperintahkan supaya bertenang, mulai redalah keriuhan itu, lalu Amir Khālid pun berkata:

“Hai anak muda! mereka telah menuduh engkau masuk ke pekarangan rumah mereka dan mencuri harta benda mereka. Bagaimana jawapanmu?”

“Sungguh benar tuduhan mereka wahai Amir. Saya telah memasuki ke pekarangan rumah mereka dan mencuri harta benda mereka, lalu saya tertangkap.”

“Boleh jadi harta yang engkau curi itu di bawah harga yang diwajibkan hukuman potong tangan.” kata Amir Khālid pula.

“Tidak Amir! Barang-barang itu harganya lebih dari sekadar yang membolehkan dipotong tangan.”

“Mungkin engkau tak sedar, atau engkau tak sengaja.”

“Saya sedar.”

“Mungkin engkau berkongsi dan mempunyai sebahagian dalam harta itu dengan mereka.”

“Tidak! Saya tak berkongsi dan tidak mempunyai bahagian dengan mereka.”

Mendengar semua jawapan itu Amir Khālid tak dapat menahan marahnya. Ia bangkit dari duduknya, dipukulnya muka pemuda itu dengan cabuknya. Setelah reda kemarahannya kedengaran dia mengucapkan pepatah lama: “Orang berangan-berangan semoga tercapai apa yang dicita-citakannya, tetapi Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.”

Setelah itu Amir memandang kepada algojo, memberi isyarat supaya melakukan hukuman potong tangan ke atas diri pemuda itu. Pedang pemotong telah dihunus dari sarungnya, dan pemuda itu pula segera menghulurkan tangannya.

Tiba-tiba muncullah dari tengah-tengah khalayak yang ramai itu seorang perempuan muda yang kelihatan kusut pakaiannya, dia memekik dan meratap lalu meniarap di bawah kaki pemuda tadi. Sebentar kemudian perempuan itu mengangkat mukanya memohon kepada Amir meminta dikasihani dengan gaya yang menyedihkan sehingga menambahkan lagi kecantikan wajahnya. Melihat itu orang ramai menjadi ribut dan hingar bingar. Perempuan itu dengan suara lantang telah merayu: “Saya memohon dengan nama Allah wahai Amir! Janganlah kiranya dijalankan hukuman ke atas pemuda itu sebelum tuan membaca surat ini.” Sambil dihulurkannya secarik surat kepada Amir itu. Amir segera mengambilnya dan membacanya. Isinya berbunyi demikian:

Pahlawan Khālid! Dengarlah permohonanku.

Undurkanlah hukuman jangan berlaku.

Pemuda ini tertimpa bahaya,

Kerana matakua dia sengsara.

Matakua tajam menikam jantung.

Dia mengaku jadi pencuri,

Memanjat rumah di malam hari.

Cabut hukuman wahai pahlawan,

Ke atas pemuda yang setiawan,

Orangnya alim lagi budiman,

Ditimpa cinta tetap beriman.

Setelah isi surat itu dibaca oleh Amir, ia terduduk diam. Dia berundur dari khalayak ramai. Perempuan muda itu dipanggilnya, ditanyainya satu persatu apa yang telah terjadi. Perempuan muda itu pun memulakan ceritanya, bahawa di antara dia dengan pemuda tu telah terjalin perasaan cinta. Pemuda itu sebenarnya

bermaksud hendak menziarahinya di rumahnya, dan dia hendak memberitahunya yang ia telah berada dalam rumah. Kerana pemuda itu tak tahu di bilik mana kekasihnya berada, dilemparkannyalah sebutir batu kecil dari sebalik dinding. Sebagai tanda memberitahukan kedatangannya. Bila batu itu jatuh kedengaranlah oleh ayah dan saudara lelakinya. Mereka pun pergi ke luar hendak mengetahui siapakah gerangnya orang yang telah datang ke rumah mereka di malam hari itu. Kerana pemuda itu merasa yang dia tidak dapat melepaskan diri, dibuatnyalah satu helah yang akan membahayakan dirinya sendiri. Dengan sengaja diambilnya beberapa helai pakaian dan barang-barang perhiasan yang dikumpulkannya di dalam suatu bungkus. Sedang dia berbuat demikian terserempaklah dengan ayah dan saudara lelaki saya. Pemuda itu mereka tangkap dan dituduh mencuri, kemudian dibawa ke muka hakim. Setelah ditanyai, dia mengaku telah mencuri, dan dia berpegang teguh dengan pengakuannya. Tujuannya supaya tiada diketahui rahsia perhubungan kami oleh ayah dan saudara lelaki saya. Dia lebih suka tangannya dikudungkan untuk menutupi aib saya dan jangan sampai saya mendapat malu. Demikianlah kisah yang sebenarnya wahai Amir yang baik budi.”

Mendengar semua kisah yang diceritakan oleh gadis itu, maka berkatalah Amir tersebut: “Kalau begitu, tak usahlah ia digelarkan orang budiman.”

Kemudian pemuda itu disuruh orang membawanya ke hadapannya. Dikucupnya dahinya, dan disuruh pula orang memanggil ayah gadis itu, seraya berkata:

“Hai orang tua! pada mulanya kami hendak

menjatuhkan hukuman ke atas pemuda ini.

Syukurlah, Allah telah mencabut diriku dari terjerumus dalam kesalahan. Sekarang kuberi dia wang sebanyak 10,000 dirham, kerana dia telah menganggap murah terhadap tangannya untuk dipotong, demi kepentingan dan memelihara nama baik tuan dan gadis tuan. Anak perempuan tuan juga saya beri hadiah sebanyak itu pula iaitu 10,000 dirham, saya harap tuan memberi saya keizinan untuk mengahwinkan mereka berdua yang telah sama-sama saling mencinta.”

Orang tua itu pun menjawab: “Saya izinkan wahai Amir yang bijak bestari.”

Mendengar jawapan itu, muka Amir berseri-eri. Dan pada saat itu pula dia pun memuji Allah dan menyanjung-Nya, diiringinya pula dengan selawat dan salam ke atas junjungan Nabī Muḥammad (S.A.W) dibacanya sebuah khutbah nikah yang indah. Setelah itu ia berkata: “Hai orang muda! Kukahwinkan engkau dengan gadis yang ada di hadapanmu ini dengan izin dan redanya dan izin ayahnya juga, dengan mahar banyak 10,000 dirham.”

Saya terima nikah itu sebagai yang dikehendaki oleh Amir.” Jawab pemuda itu sambil menggoncangkan tangannya yang dijabat erat oleh Amir Khālid.

Harta yang 10,000 dirham disuruhnya orang menghantarkannya ke rumah orang muda itu dalam sebuah dulang. Orang ramai pun bersurailah setelah menyaksikan kesudahan peristiwa itu dengan penuh kesukaan dan kegirangan.